

17 SEP 1998

Ceramah-Permit

CERAMAH MESTI ADA PERMIT TERLEBIH DAHULU, TEGAS WAN MOKHTAR

MARANG, 17 Sept (Bernama) -- Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad menegaskan sekali lagi agar bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim memperolehi permit terlebih dahulu sebelum mengadakan ceramah di negeri ini esok dalam jelajahnya ke seluruh negara untuk menjalankan gerakan reformasi tajaannya.

Beliau berkata Anwar mesti mematuhi undang-undang yang sedia ada seperti yang dikenakan kepada orang lain jika ingin mengadakan ceramah di negeri ini.

Menteri Besar itu juga berkata Anwar boleh mengerjakan sembahyangnya di mana-mana masjid di negeri ini tetapi tidak dibenarkan menggunakan kawasan masjid untuk mengadakan ceramahnya tanpa kelulusan pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu terlebih dahulu.

Beliau berkata demikian ketika ditanya tentang kemungkinan Anwar menggunakan masjid dalam ceramah jelajahnya di negeri ini esok selepas sembahyang Jumaat.

Anwar dijangka menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Tuanku Ampuan Intan Zaharah atau lebih dikenali sebagai masjid terapung di Kuala Ibai sebelum mengadakan ceramahnya di Pantai Batu Buruk dekat sini.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew pula, Wan Mokhtar berkata sebenarnya republik itu irihati dengan kejayaan dan kemajuan yang dikecapi oleh negara ini.

"Malah dia (Kuan Yew) irihati dengan penghargaan yang diperolehi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dari dunia luar terutama dunia ketiga kerana ketokohan Dr Mahathir mentadbir negara," katanya.

Oleh itu, dengan perasaan irihati dia (Kuan Yew) membuat bermacam-macam perkara yang tidak betul untuk menyatakan rasa tidak puas hatinya terhadap kemajuan dan kejayaan yang dikecapi oleh Malaysia terutama di bawah pimpinan Dr Mahathir, katanya.

Terdahulu itu, Wan Mokhtar menutup projek Baktisiswa anjuran Desasiswa Fajar Damai, Universiti Sains Malaysia (USM) di kampung Surau Hj Daud dekat Marang. Seramai 77 pelajar universiti itu terlibat dalam projek berbakti kepada rakyat yang bermula sejak 12 Sept lepas.

-- BERNAMA

SBS PR